

**PELESTARIAN WAKAF DALAM INSTITUSI PERBANKAN ISLAM:
ANALISIS WAKAF SELANGOR MUAMALAT**

Zainur Nadiyah Baharudin, Hairunnizam Wahid & Sanep Ahmad

Abstrak

Wakaf adalah instrumen ekonomi Islam yang unik yang mendasarkan fungsinya pada unsur kebajikan (*birr*), kebaikan (*ihsan*) dan persaudaraan (*ukhuwah*). Maka, perkembangan aktiviti wakaf dalam penglibatan syarikat korporat mendapat sambutan dan membuka ruang seluasnya untuk institusi perbankan Islam terlibat sama dalam aktiviti wakaf. Persoalan kajian adakah segala usaha dalam melaksanakan wakaf memberi kesan kepada prestasi keuntungan bank?. Maka, objektif kajian artikel ini akan mengkaji kesan perbelanjaan perkhidmatan Wakaf Selangor Muamalat (WSM) dengan keuntungan yang di perolehi oleh Bank Muamalat Malaysia Berhad (BMMB). Hipotesis awal kajian menjangkakan pelaksanaan perkhidmatan wakaf dalam BMMB yang diaplikasikan dalam institusi perbankan Islam dapat memberi kesan terhadap prestasi keuntungan bank dan reputasi bank. Kaedah kajian menggunakan analisis deskriptif berdasarkan pengumpulan data-data sekunder yang diambil daripada laporan tahunan BMMB, kaedah petunjuk prestasi keuntungan diukur menggunakan Kadar Pulangan Atas Aset (ROA) dan Kadar Pulangan Atas Ekuiti (ROE), kajian pustaka serta menjalankan temu bual bersama wakil pegawai dari Jabatan Dakwah, Zakat dan Wakaf BMMB dan Penasihat Syariah BMMB. Hasil kajian mendapati prestasi keuntungan bank meningkat berdasarkan peningkatan dalam nisbah petunjuk keuntungan ROA dan ROE, ini menunjukkan pekhidmatan wakaf akan memberi impak positif kepada prestasi bank. Manakala cadangan dan implikasi kajian akan dihuraikan dalam artikel ini.

Kata kunci: *Ekonomi Islam, Wakaf Selangor Muamalat (WSM), ROA, ROE.*

PENGENALAN

Wakaf berasal dari bahasa Arab *waqf*, iaitu nama terbitan (*masdar*) dari kata kerja *waqafa*. Dari segi bahasa, *waqf* bermakna berhenti, menegah dan menahan (al-Sarakhsi 1886). Manakala menurut istilah syarak, wakaf bermaksud menahan harta seseorang bagi dimanfaatkan oleh orang lain. Harta tersebut adalah kekal dan manfaatnya digunakan oleh pihak lain. Tujuannya adalah untuk mendekatkan diri kepada Allah SWT serta memberi kebajikan kepada pihak lain (Mashitoh, 2006). Dengan sebab itu, harta wakaf tidak lagi menjadi milik pewakaf dan tidak boleh diambil kembali serta tidak boleh dimiliki oleh sesiapa, ianya hak milik mutlak Allah SWT (Zaim 2013).

Wakaf juga merupakan satu amalan sedekah serta termasuk dalam salah satu bentuk takaful kerana ia tertegak di atas persaudaraan, persamaan dan *ithar* (mengutamakan orang lain). Sekali gus menafikan sikap individualisme dalam masyarakat. Oleh itu, bertitik tolak daripada anjuran al-Quran dan Sunnah agar berlumba membuat kebaikan menjadikan para sahabat yang berharta telah lebih dahulu mengamalkan wakaf dalam kehidupan mereka. Firman Allah SWT dalam surah al-Baqarah ayat 261:

Perumpaan (derma) orang-orang yang membelanjakan hartanya pada jalan Allah, ialah sama seperti sebiji benih yang tumbuh menerbitkan tujuh tangkai; tiap-tiap tangkai itu pula mengandungi seratus biji. Dan (ingatlah), Allah akan melipat gandakan pahala bagi sesiapa yang dikehendakiNya, dan Allah Maha Luas (rahmat) kurniaNya, lagi meliputi ilmu pengetahuanNya.

Ayat ini menunjukkan sesungguhnya ganjaran bagi mereka yang membelanjakan harta bagi mendapatkan keredaan Allah SWT amatlah besar. Oleh itu, amalan wakaf merupakan pelaburan bernilai untuk kehidupan di dunia dan akhirat. Konsep perbankan dan kewangan Islam bukan hanya terhad kepada transaksi mengikut hukum syariah dan memperolehi keuntungan, tetapi konsep kewangan Islam juga menekankan tanggungjawab sosial dan perlunya institusi Islam dan pelanggan mereka berinteraksi dalam bidang pembangunan negara. Justeru itu, pengurusan dana wakaf ini memerlukan tadbir urus yang baik bagi memastikan aktiviti pengumpulan dana, pelaburan dan pengagihan dana wakaf dapat disalurkan kepada aktiviti-aktiviti kebajikan.

Di Malaysia, setiap Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) dilantik sebagai pemegang amanah kepada semua harta wakaf. Selaras dengan perkembangan dan keperluan semasa, Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) telah menubuhkan Perbadanan Wakaf Selangor (PWS) pada 2011 untuk lebih memperkasakan institusi wakaf di negeri Selangor (Haliza et al. 2014). Pada 27 September 2012 buat julung kalinya institusi perbankan Islam iaitu Bank Muamalat Malaysia Berhad (BMMB) telah bekerjasama dengan Perbadanan Wakaf Selangor (PWS) memperkenalkan skim wakaf tunai yang dikenali sebagai Wakaf Selangor Muamalat (WSM) (BMMB, 2012). Wakaf Selangor Muamalat

merupakan wakaf korporat pertama di Malaysia yang melibatkan kerjasama di antara institusi wakaf milik kerajaan negeri dengan sebuah bank komersil Islam (Asharaf & Abdullaah 2013). Jalinan kerjasama strategik ini membentuk perkhidmatan WSM dengan tema “esok masih ada?”. Dalam perkhidmatan wakaf ini, BMMB bertindak sebagai ejen kepada PWS untuk mengutip harta wakaf dari pelanggannya dan masyarakat umum serta mengurus dana wakaf. Maka, inisiatif yang dilakukan oleh BMMB bekerjasama dengan PWS dalam membangunkan ekonomi ummah merupakan nilai-nilai positif yang dapat diamalkan dalam dunia korporat khususnya perbankan Islam. Oleh itu, dengan penglibatan institusi perbankan Islam dalam dunia wakaf akan dapat menambahkan lagi keyakinan masyarakat terhadap institusi wakaf serta dapat membantu menambahkan dana wakaf bagi tujuan meningkatkan sosioekonomi dan masyarakat.

Dalam menjayakan jalinan kolaborasi ini, satu rangka model wakaf dibentuk di mana sebuah jawatankuasa dibentuk dana dinamakan Jawatankuasa Pengurusan Bersama (JPB). Jawatankuasa ini akan dipantau oleh Jawatankuasa Wakaf Majlis iaitu sebuah jawatankuasa khas yang bertindak memantau dan melaporkan segala aktiviti wakaf kepada Duli Yang Maha Mulia Sultan negeri Selangor. Antara bidangkuasa JPB adalah menentukan penyaluran dana wakaf kepada projek wakaf yang telah dipersetujui, membantu golongan yang memerlukan bagi tujuan pendidikan dan kesihatan serta melaburkan semula manfaat wakaf yang telah diterima dan sebagainya (BMMB 2012). Pewakaf yang terdiri daripada individu mahupun mana-mana organisasi menyumbang dana wakaf melalui pelbagai kaedah seperti kaunter bank, hibah daripada akaun simpanan serta arahan pembayaran berkala. Manakala JPB selaku pengurus dana (*nazir/ mutawwali*) akan menguruskan dana wakaf dan menyalurkan sumbangan dana tersebut kepada sektor pendidikan, kesihatan serta dan melaburkan sebahagian daripada hasil wakaf. Pelaburan dana wakaf telah diuruskan oleh Muamalat Invest Sdn. Bhd. 25 peratus hasil pelaburan dibahagi kepada PWS. Manakala 75 peratus diserahkan kepada JPB untuk dibahagikan semula kepada sektor-sektor bersesuaian (Asharaf & Abdullaah 2013).

Justeru kajian ini bertujuan mengkaji kesan perbelanjaan perkhidmatan wakaf yang dikeluarkan oleh BMMB kaitan dengan prestasi keuntungan bank. Kajian ini juga akan menunjukkan bahawa pelaksanaan wakaf di institusi perbankan mampu memberi pulangan dari sudut untung ekonomi serta untung spiritual dan moral. Hipotesis kajian menjangkakan pelaksanaan perkhidmatan wakaf dalam BMMB yang diaplikasikan dalam institusi perbankan Islam dapat memberi kesan terhadap prestasi keuntungan bank seperti peningkatan dalam kadar keuntungan ROA dan ROE.

KAJIAN LEPAS

Peranan wakaf dapat disamakan dengan kebajikan *infaq*, *sedekah jariyah* dan *hibah* dan ia merupakan satu instrumen yang penting untuk membantu orang ramai (Shakor 2011). Selain itu, wakaf dapat memperkukuhkan keupayaan individu dan masyarakat yang memerlukan bantuan dengan menyediakan pelbagai laluan seperti mendapatkan makanan yang berkhasiat, perpustakaan, madrasah, sekolah, universiti, rumah-rumah tumpangan dan kebajikan, dan kemudahan infrastruktur seperti jambatan, jalanraya dan sistem perparitan (Norizah & Asmak 2014). Amalan ini menggambarkan bahawa wakaf merupakan satu sistem yang secara keseluruhannya memberi tumpuan kepada kesejahteraan umat Islam. Dalam mengkaji gelagat masyarakat terdapat teori utiliti bagi seseorang pelanggan itu memilih bank yang memenuhi keperluan utiliti mereka (Zul Karami 2014). Dalam menggambarkan fungsi utiliti ini, (Khan 1984) memberi fungsi seperti bahawa $U = U(E_1, E_2)$, dimana U : utiliti atau kepuasan oleh pengguna Islam manakala E_1 : perbelanjaan duniawi pengguna sendiri dan E_2 : perbelanjaan yang dibuat atas jalan Allah. Oleh itu, bank yang meletakkan kebajikan sebagai matlamat utama lebih mendapat tarikan dari pelanggan.

Dalam institusi perbankan Islam, wakaf dilihat sebagai salah satu aktiviti tanggungjawab korporat yang membezakan perbankan Islam dengan entiti konvensional yang lain. Oleh itu, pelaksanaan tanggungjawab sosial oleh organisasi korporat memberikan kesan dan impak sama ada secara langsung atau tidak langsung kepada organisasi itu sendiri serta sedikit sebanyak dapat mengurangkan kadar kemiskinan dalam Negara (Norajila & Joni 2010). Tanggungjawab sosial korporat (CSR) secara umumnya bermaksud komitmen syarikat dan organisasi korporat terhadap keperluan sosial yang meliputi hak-hak masyarakat, penjagaan alam sekitar, kebajikan para pekerja, hak-hak pengguna dan sebagainya. Menurut Islam ia berteraskan daripada ajaran al-Quran dan al-Sunah serta idea mengenai tanggungjawab sosial ini terkandung dalam ikatan kerohanian (*religious bond*). Oleh itu, konsep tanggungjawab korporat dalam Islam ini merangkumi makna yang luas yang mencakupi dimensi taqwa, di mana sesebuah syarikat korporat itu sebagai sebuah organisasi yang merangkumi sekumpulan individu di dalamnya, memainkan peranan yang penting sebagai hamba dan juga khalifah Allah di muka bumi ini dalam setiap situasi (Asyraf 2008).

Kebanyakan aktiviti tanggungjawab korporat terdiri dari pendidikan, kesihatan dan sumbangan. Dapatan kajian mendapati terdapat hubungan positif antara aktiviti CSR dan prestasi

kewangan menunjukkan tingkah laku sosial bank di Pakistan (Shaukat & Nadeem 2014). Selain itu, terdapat kajian korelasi menunjukkan hubungan positif antara perbelanjaan CSR dengan kutipan deposit, pelaburan dan keuntungan bank. Dengan aktiviti CSR yang dilaksanakan, deposit dan jumlah pinjaman meningkat dan dapat mencapai lebih keuntungan kepada operasi bank (Samina 2012). Syarikat yang melaksanakan tanggungjawab sosial dapat memperoleh faedah kompetitif yang signifikan bagi meningkatkan prestasi kewangan, menambahkan imej jenama dan reputasi, dan menambahkan kebolehan untuk menarik dan mengekalkan tenaga kerja berkualiti, pengurusan risiko yang lebih efektif, mengurangkan kos-kos panjang dan menarik pelabur (Mohd Afandi & Manzur 2014).

Manakala kemudahan kesihatan merupakan petunjuk pembangunan ekonomi, maka kemudahan untuk mendapatkan kesihatan oleh rakyat amat penting, walaupun terdapat hospital dan klinik yang disediakan oleh kerajaan dan swasta namun wakaf lebih berperanan menyediakan kesihatan dengan kos yang murah (Asmak 2009). Oleh itu, peranan wakaf sebagai penggerak ekonomi negara semenjak zaman Uthmaniyah telah membuktikan kepada dunia bahawa wakaf mampu menyumbang kepada institusi pendidikan. Sebagai contoh terdapat sebanyak 142 buah universiti di Turki, 87 buah sekolah dan universiti di Cyprus dan masing-masing 800 dan 786 buah universiti di Cecenestan dan Azerbaijan telah dibangunkan dan dibiayai oleh sumber wakaf (Ashikin & 'Adha 2014). Terbukti juga dalam sejarah bahawa wakaf mampu melahirkan kecemerlangan dalam pendidikan umat Islam. Sistem wakaf telah diikuti oleh sistem pendidikan Barat seperti Oxford sebagai satu mekanisme untuk kemajuan dalam meningkatkan mutu pendidikan dan penyelidikan (Zaki et al. 2008).


Objektif sebuah firma Islam tidak hanya untuk memaksimumkan keuntungan, firma yang diterajui oleh pengusaha Islam sentiasa memberi tumpuan kepada aspek-aspek spiritual dan moral terlebih dahulu sebelum melihat kepada untung ekonomi yang mungkin dicapai. Dalam sebuah firma Islam, perbelanjaan pada jalan Allah dan kebajikan merupakan amalan terpuji dan keuntungan yang diterima adalah suatu yang tidak boleh diramalkan (Metwally 1992). Pengusaha Islam dijangka lebih mementingkan keperluan masyarakat dan berusaha untuk memenuhi keperluan itu seberapa mungkin demi menunaikan tuntutan fardu kifayah (Jaafar Ahmad et al. 2011).

Walau bagaimanapun, pelaksanaan aktiviti wakaf di dalam institusi perbankan seperti yang dilaksanakan oleh BMMB perlu melihat sama ada perbelanjaan yang dikeluarkan untuk aktiviti wakaf dapat memberi kestabilan agar firma dapat beroperasi dengan baik. Dalam mengukur prestasi keuntungan bank terdapat beberapa nisbah yang diukur seperti kadar pulangan atas aset (ROA) dan kadar pulangan atas ekuiti (ROE). ROE adalah nisbah kewangan yang merujuk kepada keuntungan syarikat yang diperolehi di banding kepada jumlah pemegang saham ekuiti yang dilaburkan dan didapati pada kunci kira-kira. Sebuah perniagaan yang mempunyai pulangan yang tinggi ke atas ekuiti adalah lebih cenderung untuk serta mampu menjana tunai di peringkat dalaman. Manakala ROA, ia mengukur keupayaan pengurusan bank untuk menjana pendapatan dengan menggunakan aset syarikat yang terhad. Dalam erti kata lain, ia menunjukkan bagaimana bank efisien menggunakan sumber untuk menghasilkan pendapatan (Vincent & Gemechu 2013). Oleh itu, semakin tinggi kadar pulangan atas aset dan ekuiti maka adalah lebih baik untuk syarikat mendapatkan dan mengekalkan keuntungan.

Daripada kajian-kajian lepas, didapati masih tiada lagi kajian yang mengkaji kelestarian wakaf dalam pengaplikasiannya di institusi perbankan Islam serta mengaitkannya dengan untung ekonomi dan rohani bagi yang terlibat dalam aktiviti wakaf ini. Maka kajian ini memfokuskan kepada pencapaian instrumen WSM yang diuruskan oleh BMMB dalam tempoh ia dilancarkan sehingga kini. Oleh itu, kajian ini akan melihat petunjuk kadar keuntungan ROA dan ROE bagi sesebuah bank dan perkaitannya dengan wakaf.

KERANGKA TEORI WAKAF SELANGOR MUAMALAT (WSM)

Berdasarkan kajian-kajian lepas teori model kerangka telah dibentuk, model ini juga berdasarkan kajian yang diadaptasi dari (Shoukat Malik 2014), (Jaafar Ahmad et al. 2011) kemudian diubahsuai berdasarkan kesesuaian kajian seperti berikut:



Dalam menyediakan perkhidmatan wakaf, tarikan dan keunikan perlu diserlahkan agar dapat meningkatkan reputasi bank. Bank sebagai institusi pengantara menjadi penghubung kepada unit *surplus* (lebih) dan unit *defisit* (yang memerlukan). Setiap individu mempunyai pilihan dalam menyalurkan kebajikan, dalam kajian (Zul Karami 2014) teori utiliti boleh menerangkan bagaimana pelanggan membuat keputusan dalam memilih sebuah bank, utiliti pengguna Islam berbeza daripada utiliti yang dibahaskan oleh teori ekonomi kapitalis dimana pengguna Islam tidak sahaja mementingkan individualisme tetapi juga kepentingan sosial. Oleh itu, dalam galakan membuat kebajikan dengan berwakaf pelbagai insentif ekonomi diberi sebagai tarikan kepada individu dan syarikat- syarikat korporat seperti pelepasan cukai sebanyak 7% kepada individu dan 10% kepada syarikat.

Oleh demikian, BMMB sebagai institusi pengantara dalam melaksanakan wakaf perlu menanggung kos perbelanjaan yang terdiri daripada belanja kempen, elaun, pengurusan dan sebagainya, yang mana secara zahirnya akan menurunkan untung ekonomi bank. Selain itu, terdapat kajian yang menunjukkan tanggungjawab sosial korporat dalam melaksanakan kebajikan boleh meningkatkan reputasi institusi dengan memberi impak positif kepada prestasi keuntungan bank yang akan diukur menggunakan nisbah ROA dan ROE. Kemudian dana wakaf yang terkumpul akan disalurkan kepada penerima-penerima daripada tiga sektor utama seperti pendidikan dengan pembelian peralatan, pembinaan bangunan sekolah dan sebagainya. Kedua, sektor kesihatan seperti peralatan perubatan dan rawatan dan pembelian mesin dianalisis. Manakala sektor ketiga pula, pelaburan dana wakaf yang akan diuruskan oleh Muamalat Invest Sdn. Bhd iaitu anak syarikat BMMB. Kesemua manfaat dana wakaf ini juga akan dikembalikan kepada masyarakat serta dapat membangunkan ekonomi negara. Penerangan terperinci kerangka teori ini akan dijelaskan lebih lanjut lagi didalam hasil kajian.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan analisis deskriptif berdasarkan pengumpulan data- data sekunder yang diambil daripada laporan tahunan BMMB daripada tahun 2010 sehingga 2014 serta kajian pustaka. Selain itu, menjalankan temu bual bersama wakil pegawai dari Jabatan Dakwah, Wakaf dan Zakat BMMB iaitu Puan Wan Nuraihan Bt. Hj. Ab. Shatar dan Jawantankuasa Penasihat Syariah BMMB En. Azizi Bin Seman. Manakala kaedah petunjuk prestasi keuntungan yang akan diukur menggunakan formula Kadar Pulangan Atas Aset (ROA) dan Kadar Pulangan Atas Equiti (ROE). Penerangan dan nisbah ROA dan ROE diterangkan seperti berikut:

Kadar Pulangan Atas Aset (ROA)

ROA adalah mengukur keupayaan pengurusan bank untuk menjana pendapatan dengan menggunakan aset syarikat yang terhad. Dalam erti kata lain, ia menunjukkan bagaimana bank efisien menggunakan sumber untuk menghasilkan pendapatan (Vincent & Gemechu 2013). Kiraan keuntungan diperolehi daripada pelaburan dana pendeposit, pelaburan dana pemegang saham, tolak peruntukan bagi kerugian pembiayaan, pendapatan yang diagihkan kepada pendeposit, perbelanjaan kakitangan dan lain- lain serta tolak zakat dan cukai. Manakala jumlah aset merupakan keseluruhan aset- aset kewangan dan bukan kewangan yang terdapat dalam bank (Aisyah 2012). Ia merupakan petunjuk keuntungan bank dengan mengukur kecekapan penggunaan deposit dalam menggunakan aset mereka. Maka, kadar pulangan keatas aset ditunjukkan pada formula berikut:

$$\frac{\text{Keuntungan Sebelum Zakat \& Cukai}}{\text{Jumlah Aset}}$$

(Nisbah 1)

Kadar Pulangan Atas Equiti (ROE)

ROE adalah nisbah kewangan yang merujuk kepada keuntungan syarikat yang di perolehi di banding kepada jumlah pemegang saham ekuiti yang dilaburkan dan didapati pada kunci kira-kira. Kiraan keuntungan diperolehi selepas menolak pendapatan yang diagihkan kepada pendeposit dan cukai serta zakat ditolak. Ia dibahagikan dengan modal ekuiti Tier 1 yang merupakan modal teras institusi kewangan, di mana Tier 1 terdiri daripada modal saham berbayar, pendapatan tertahan dan rizab berkanun serta ditolai cukai tertunda asset (Aisyah 2012). Ia merupakan petunjuk keuntungan bank dan bertujuan mengukur kecekapan pengguna deposit bank dalam menggunakan modal mereka. Kadar pulangan keatas equiti ditunjukkan pada formula berikut:

$$\frac{\text{Keuntungan Sebelum Zakat \& Cukai}}{\text{Tier 1}}$$

(Nisbah2)

HASIL KAJIAN

Inisiatif dan idea yang dijayakan oleh BMMB ini merupakan satu langkah yang baik dan sangat bernilai pada umat Islam seluruhnya. Tanpa disedari, hasil dari kerjasama BMMB dan PWS akan dapat membina nilai-nilai positif dunia korporat di dalam pengurusan wakaf dan seterusnya akan menambahkan keyakinan masyarakat terhadap institusi wakaf serta dapat menambahkan lagi dana wakaf untuk kemaslahatan ummah. Kerjasama ini juga membuktikan bahawa pentingnya instrumen muamalat dalam menyumbang kepada kemakmuran negara melalui aktiviti perwakafan. Kerjasama ini juga terjalin seiring dengan saranan kerajaan supaya mempertingkatkan usaha untuk memajukan aset-aset wakaf (Berita Harian 2013).

Nilai Kebajikan dan Perbelanjaan WSM

Sejak pelancaran WSM September 2012 dalam tempoh hampir tiga tahun, pelbagai usaha giat dilakukan oleh BMMB dan PWS bagi memastikan dana terus berkembang. Antara usaha yang dilakukan dengan memberi kefahaman kepada masyarakat tentang kepentingan berwakaf melalui tazkirah, taklimat dan promosi serta *road show* di sekitar Selangor. Hasil dari usaha BMMB dapat memberi kesedaran kepada masyarakat bahawa pentingnya amalan berwakaf. Selain itu, mereka diberi insentif ekonomi sebagai galakan untuk berwakaf iaitu perlepasan cukai sebanyak 10% bagi syarikat dan 7% bagi individu. Insentif pelepasan cukai ini adalah satu galakan untuk membentuk amalan berwakaf.

Sebagai pengguna Islam bukan hanya melihat kepada kepuasan material, bahkan juga aspek yang membawa kepada spiritual. Nilai spiritual ini adalah bersumberkan kepada al-Quran dan as-Sunnah ataupun secara mudahnya kepatuhan kepada Syariah Islam. Oleh itu, pilihan pengguna Islam untuk membuat kebajikan dapat disalurkan kepada jalan wakaf. Selain itu, kelebihan dana wakaf ini juga akan dapat mengurangkan kebergantungan institusi pendidikan dan kesihatan kepada bantuan daripada kerajaan. Dari sudut ekonomi, beberapa kesan positif yang terhasil daripada pelaksanaan wakaf, antaranya mampu membantu meminimumkan jumlah perbelanjaan tahunan kerajaan, dapat merawat defisit, mengelakkan sesebuah kerajaan terlibat dengan liabiliti hutang yang berpanjangan dan menurunkan kadar keuntungan pembiayaan (Murat Cizakca 2000). Manakala faedah kepada pewakaf akan mendapat kebaikan bersedekah jariah seperti yang dijanjikan Allah SWT dalam surah Ali-Imran ayat 92:

Kamu tidak sekali-kali akan dapat mencapai (hakikat) kebajikan dan kebaktian (yang sempurna) sebelum kamu dermakan sebahagian dari apa yang kamu sayangi. Dan sesuatu apa jua yang kamu dermakan maka sesungguhnya Allah mengetahuinya.

Oleh demikian, dapat menggalakkan masyarakat Islam agar memberi bantuan dalam bentuk wakaf yang bertujuan berkongsi kekayaan antara golongan kaya dan miskin. Oleh itu, wakaf tunai yang praktikan dalam WSM adalah cara yang mudah dan tidak memerlukan modal yang besar dan seterusnya dapat memberi peluang kepada sesiapa sahaja yang berkemampuan untuk berwakaf.

Pelbagai kaedah dilaksanakan untuk mewawarkan keperluan berwakaf kepada masyarakat melalui media massa seperti iklan-iklan di radio, akhbar, televisyen, majalah dan sebagainya dijadikan medan penyampaian bagi mendidik masyarakat memahami kepentingan berwakaf. Kesemua usaha-usaha ini memerlukan kos untuk memastikan objektif pelaksanaan wakaf tercapai. Oleh itu, keseluruhan kos dalam pelaksanaan WSM ini ditanggung sepenuhnya oleh BMMB. Manakala, kos untuk aktiviti seperti pengiklanan di media massa, papan iklan dan sebagainya adalah di bawah Jabatan

Komunikasi Korporat BMMB. Kebiasaannya kos-kos tersebut telah dipakejkan bersama produk-produk bank yang lain. Bagi kos belanja operasi pula merangkumi kos pentadbiran serta pengurusan aktiviti WSM seperti kempen Wakaf dan elaun JPB. Berikut pada jadual 1 adalah belanja berkaitan yang telah dikeluarkan dari tahun 2013 sehingga 2014.

JADUAL 1: BELANJA OPERASI WSM 2013-2014

PERKARA	PERBELANJAAN (RM)	PERATUSAN (%)
Majlis penyerahan	26,681	9.5
Kempen Kutipan	93,550	33.3
Barangan	25,700	9.1
Sebaran SMS	9,668	3.4
Elaun JPB	125,400	44.6
JUMLAH	280,999	100.0

SUMBER: Data diperolehi hasil temubual pada 16 mac 2015 di Jabatan Dakwah, Wakaf dan Zakat BMMB.

Pada peringkat perancangan WSM, BMMB menjadi penyumbang awal dengan mewakafkan sebanyak RM1 juta manakala kakitangannya sebanyak RM74 ribu (Berita Harian 2012). Manakala sumbangan minimum individu bermula serendah RM1, bagi institusi pula RM100 serta tiada ditetapkan had maksima. Melihat kepada sumbangan awal yang disumbangkan oleh BMMB merupakan nilai yang besar dan sebagai pencetus kepada pelaksanaan WSM ini BMMB juga perlu menanggung kos perbelanjaan aktiviti wakaf yang bakal dijalankan. Sehingga tahun 2014, sebanyak RM 280,999 dibelanjakan untuk mengurus perkhidmatan wakaf ini. Belanja terbesar ditumpukan kepada elaun JPB sebanyak 44.6 peratus dan seterusnya 33.3 peratus bagi belanja berkempen untuk WSM. Didalam prinsip Islam, firma Islam bukan hanya untuk memaksimumkan keuntungan sahaja, namun perlu kepada memaksimumkan keperluan sosial, akauntabiliti dan amanah (Toseef Azid 2007).

Oleh yang demikian, dari sudut pandangan ekonomi Islam melihat dua dimensi perbelanjaan iaitu dari segi perbelanjaan duniawi dan perbelanjaan atas jalan Allah. Ia merupakan kepuasan dari aspek material dan spiritual berdasarkan kepatuhan kepada Shariah (Zul Karami 2014). Berbeza dengan ekonomi kapitalis yang hanya melihat kepada dimensi perbelanjaan duniawi iaitu kepuasan dari aspek material. Objektif mencapai keuntungan merupakan matlamat utama sesebuah firma, namun dalam firma Islam adalah bersedia untuk menerima untung patut dalam usaha mendapatkan pahala atau untung rohani (Jaafar Ahmad et al. 2011). Ini kerana dalam sistem ekonomi Islam, ia tidak hanya terarah kepada kesejahteraan yang berbentuk kedunian semata-mata seperti kekayaan harta, keuntungan ekonomi, penguasaan pasaran dan sebagainya, malah matlamat yang lebih besar adalah kesejahteraan yang berbentuk kerohanian seperti keredaan Allah dengan mengharapkan pahala, kesuburan kasih sayang, dan persaudaraan (Jaafar Ahmad et al. 2011).

Petunjuk Prestasi Keuntungan

Keterlibatan aktiviti wakaf ini pada dunia perbankan sangat memberikan impak yang besar kepada masyarakat, ini kerana peranan yang dimainkan oleh institusi perbankan Islam bukan sahaja tertumpu pada aktiviti pembiayaan malahan wakaf ini juga dapat menjadi sebahagian daripada tanggungjawab sosial korporat. Namun untuk menjayakan perkhidmatan wakaf ini, BMMB perlu menanggung kos pengurusan yang mana kos ini dikira sebagai kos hangus kerana merupakan salah satu usaha bank dalam memastikan usaha yang dilaksanakan mencapai matlamat. Sebuah institusi boleh mendapatkan keuntungan baik dalam jangka pendek mahupun dalam jangka panjang. Dalam jangka pendek keuntungan diperlukan untuk mempertahankan kelangsungan firma sedangkan jangka panjang untuk perbelanjaan dan mengembangkan skala modal (Iskandar Puton 2015). Namun, dengan menjalankan aktiviti kebajikan firma diharapkan tidak hanya mengejar keuntungan jangka pendek namun juga turut berkontribusi bagi meningkatkan kesejahteraan dan kualiti hidup masyarakat dalam jangka panjang (Vivi Ariyani 2015).

Oleh sebab itu, keuntungan dan kestabilan sesebuah institusi perlu diambil perhatian dalam melaksanakan tanggungjawab korporat ini. Setiap aktiviti yang dijalankan oleh bank memberi impak kepada keuntungan bank agar bank lebih berjaga-jaga dalam merangka aktiviti (Mazibar et al. 2014). Keuntungan bank ditakrifkan oleh (Rose 2002) sebagai pendapatan atau untung bersih selepas cukai pendapatan bank (biasanya dibahagi dengan ukuran saiz bank). Terdapat beberapa nisbah yang biasanya digunakan untuk mengukur keuntungan bank-bank. Kebiasaan yang sering digunakan adalah Kadar Pulangan Atas Aset (ROA) dan Kadar Pulangan Ke Atas Ekuiti (ROE). Maka dalam kajian ini

prestasi keuntungan bank diukur dengan menggunakan ROA dan ROE, dimana formulanya pada persamaan nisbah 1 dan 2.

ROA menunjukkan keupayaan pengurusan sebuah bank untuk menjana keuntungan daripada aset bank dan ia dikira sebagai keuntungan bersih selepas cukai dan zakat dibahagi dengan jumlah aset. Semakin besar ROA bererti semakin meningkat keuntungan yang dicapai dan semakin baik keadaan bank dari segi penggunaan aset (Veithzal Rivai et al. 2007). Manakala, ROE menunjukkan pulangan kepada para pemegang saham atas ekuiti mereka dan ia dikira dengan keuntungan bersih selepas cukai dan zakat dibahagi dengan modal ekuiti (Rasidah & Hanafi 2010). ROE merupakan indikator yang penting kepada pemegang saham dan pelabur untuk mengukur kemampuan bank dalam memperoleh keuntungan bersih yang dikaitkan dengan pembayaran dividen. Apabila nisbah ROE meningkat ini bererti kenaikan keuntungan bersih dari bank, kenaikan ini akan menyebabkan naiknya harga saham bank dan akan membuatkan para pemegang saham dan pelabur ingin membeli saham bank tersebut (Veithzal Rivai et al. 2007).

**RAJAH 2: NISBAH KEUNTUNGAN ROA DAN ROE
TAHUN 2010-2014**

TAHUN	ROA	ROE
2010	0.583	0.073
2011	0.732	0.098
2012	0.332	0.048
2013	0.793	0.106
2014	0.747	0.087

SUMBER: Dikira daripada Laporan Kewangan BMMB.

Secara keseluruhannya, ROA bank meningkat lebih tinggi selepas mempraktikkan aktiviti wakaf selepas tahun 2012, iaitu 0.793 pada 2013 dan 0.747 pada 2014, ini menunjukkan amalan wakaf dapat memberi kesan yang sangat baik kepada prestasi keuntungan bank. Manakala ROE bank juga memberi kesan peningkatan yang ketara pada tahun 2013 sebanyak 0.106, ini membuka peluang kepada pemegang saham untuk menilai prestasi ekuiti bank adalah pada tahap stabil. Namun, penurunan ROA dan ROE pada tahun 2012 tidaklah berada pada tahap yang membimbangkan dan ianya kekal stabil. Penurunan pada tahun 2012 ini dijangkakan kesan dari kos- kos yang dikuarkan dan disumbangkan untuk dana wakaf. Kos ini diambil dari dana sedia ada bank yang mana akan menghakis sedikit keuntungan pada ROA dan ROE. Walaubagaimanapun, pada tahun berikutnya kos tersebut berjaya ditampung kembali dan menutup kelompangan yang berlaku dalam keuntungan sebelum ini.

Oleh yang demikian, banyak manfaat atau kelebihan yang diperolehi oleh bank sama ada secara langsung mahupun tidak langsung. Apabila bank yang mengamalkan dan menitikberatkan aspek- aspek spiritual dan moral secara tidak langsung bank memperoleh untung ekonomi walaupun bukan pada jangka masa pendek. Hal ini yang membezakan institusi perbankan Islam dan Konvensional.

JADUAL 3: DEPOSIT DAN PEMBIAYAAN TAHUN 2010-2014

TAHUN	DEPOSIT (RM)	PERATUS		
		PERUBAHAN (%)	PEMBIAYAAN (RM)	
			PERATUS PERUBAHAN (%)	
2010	14,927,848		6,630,405	
2011	16,222,790	8.7	7,166,034	8.1
2012	18,158,747	11.9	9,076,593	26.7
2013	18,750,255	3.3	10,365,020	14.2
2014	17,638,660	-5.9	11,904,074	14.8
JUMLAH	85,698,300		45,142,126	

SUMBER: Laporan Kewangan BMMB

Data hasil daripada deposit dan pembiayaan menunjukkan BMMB telah berjaya menarik minat pelanggan untuk mendeposit wang dan membuat pembiayaan berlandaskan Syariah di BMMB. Peningkatan ditunjukkan selepas diaplikasikan perkhidmatan WSM ini di dalam BMMB, deposit terus meningkat 11.9 peratus pada 2012 dan juga peningkatan pembiayaan 26.7 peratus pada tahun 2012. Maka, dari sudut imej bank dapat ditingkatkan melalui iklan berbayar yang disiarkan di media-media

massa, secara langsung dapat menarik pelanggan untuk berwakaf serta menarik pelanggan membuka akaun deposit di bank. Bahkan dapat menarik pelanggan kepada mengenali pembiayaan Islam dan perbankan Islam. Justeru itu, amalan tanggungjawab sosial korporat yang dilaksanakan dapat memberi kesan positif terhadap keuntungan, kesetiaan pelanggan, peningkatan reputasi jenama dan mengurangkan publisiti negatif serta dapat mempengaruhi sikap pelanggan terhadap produk melalui penilaian mereka terhadap syarikat secara keseluruhan (Brown & Dacin 1997).

Oleh itu, model perbankan wakaf yang terbaik untuk menjadi contoh dalam institusi perbankan Islam adalah BMMB, walaupun ia baru diperkenalkan pada tahun 2012 didapati prestasi keuntungan yang ditunjukkan pada ROA dan ROE bank meningkat sejak dilancarkan WSM. Sejalan dengan itu, terdapat institusi perbankan Islam yang lain bersama-sama mula mengorak langkah melaksanakan wakaf ini antaranya Maybank Islamik Berhad telah memperuntukkan dana sebanyak RM20 juta untuk melaksanakan inisiatif wakaf dalam dunia perbankan Islam (Khairil et al. 2014). Oleh itu, langkah yang diambil oleh BMMB ini mampu menjadi model kepada perbankan Islam yang lain untuk sama-sama membawa agenda wakaf kepada masyarakat.

Pengurusan dan Agihan Dana Wakaf

Target dana WSM ialah untuk mengumpulkan RM50 juta dalam tempoh tiga tahun. Sumbangan akan diuruskan 40:30:30 (40% akan dilaburkan bagi memastikan kesinambungan dana wakaf, 30% untuk tujuan pendidikan seperti biasiswa, 30% untuk tujuan kesihatan). Ini menjadi satu amanah tanggungjawab yang ditanggung oleh bank bagi memastikan dana yang disampaikan oleh pewakaf sampai kepada pihak yang memerlukan. Dalam usaha membangunkan dana WSM, BMMB telah mengembangkan dana wakaf dengan melabur dalam aktiviti yang berlandaskan Syariah seperti hartanah. Sejak dilancarkan WSM dana wakaf yang diuruskan oleh BMMB telah mengalami peratus peningkatan dana yang memberangsangkan bermula pada Oktober 2012 sebanyak 79.6 peratus diikuti tahun berikutnya Disember 2013 sebanyak 51.7 peratus.

JADUAL 4: KUTIPAN DANA WSM TAHUN 2012- 2014

KUTIPAN BULANAN	2012	2013	2014
		69,307.92	346,585.36
JANUARI	-	(2.0)	(7.6)
FEBRUARI	-	47,227.31	398,145.64
MAC	-	(1.4)	(8.7)
APRIL	-	98,542.73	692,573.31
MEI	-	(2.8)	(15.2)
JUN	-	257,071.18	280,628.00
JULAI	-	(7.4)	(6.1)
OGOS	-	99,950.75	601,334.87
SEPTEMBER ^a	80,862.37	(2.9)	(13.2)
	(5.8)	154,480.54	154,842.56
OKTOBER	1,117,344.22	(4.4)	(3.4)
NOVEMBER	79,515.65	203,592.86	536,468.17
DISEMBER	(9.0)	178,179.51	518,611.71
JUMLAH	1,403,465.79	3,476,830.34	4,569,761.68
PERATUS PENINGKATAN TAHUNAN		147.7%	31.4%

SUMBER: Laporan Kewangan Wakaf Selangor Muamalat BMMB.

- a. September 2012 tahun bermula WSM
b. Nilai dalam adalah peratusan kutipan dana WSM

JADUAL 5: AGIHAN DANA WAKAF TAHUN 2012- 2013

SEKTOR AGIHAN DANA	AMAUN KELUAR (RM)	PERATUS (%)
Pendidikan	801,558.76	32.3
Kesihatan	636,563.80	25.6
Pelaburan	1,045,800.00	42.1
JUMLAH	2,483,922.56	100.0

SUMBER: Laporan Kewangan Wakaf Selangor Muamalat.

Secara keseluruhannya kutipan terkini WSM sehingga 2014 telah meningkat peratusan dari 147.7 peratus kepada 31.4 peratus. Peningkatan peratusan kutipan dana pada tahun 2013 meningkat dengan peratusan yang tinggi, ini menunjukkan WSM menjadi pilihan dan mendapat kepercayaan masyarakat sebagai salah satu tempat untuk membuat kebajikan. Jumlah kutipan yang cukup besar ini telah memberi ukuran kejayaan kepada BMMB kerana berjaya meningkatkan keyakinan masyarakat tentang amalan berwakaf ini. Segala usaha bank dalam meningkat kepercayaan masyarakat terbukti dengan peningkatan jumlah kutipan pada setiap bulan berdasarkan jadual 4. Perkembangan ini berjaya menarik minat badan-badan wakaf lain untuk menjalinkan kerjasama dengan BMMB.

Hasil kutipan wakaf tersebut telah berjaya diagihkan sebanyak 32.2 peratus kepada sektor pendidikan, 25.6 pada sektor kesihatan dan 42.1 peratus pada sektor pelaburan. Melalui WSM pelbagai pihak telah menerima sumbangan agihan dari manfaat wakaf antaranya dari aspek kesihatan ialah sumbangan mesin dialisis kepada pusat-pusat hemodialisis, mesin embosser (pencetak tulisan *Braille*) dan almari khas bagi mesin tersebut kepada Persatuan Orang-Orang Cacat Penglihatan Islam Malaysia (PERTIS), sumbangan alat bantuan kesihatan seperti kerusi roda, tongkat, katil, dan lain-lain kepada rumah-rumah jagaan, serta sumbangan peralatan-peralatan perubatan kepada hospital-hospital (BMMB 2014). Misi bantuan untuk mangsa banjir di Kelantan melalui projek Klinik Bergerak Wakaf Selangor Muamalat dengan kerjasama pegawai perubatan KPJ telah membantu seramai 405 orang pesakit bagi mendapatkan rawatan daripada perkhidmatan kesihatan yang diberikan khususnya dari khidmat Klinik Bergerak Wakaf Selangor Muamalat, di samping bantuan-bantuan kemanusiaan kepada mangsa-mangsa banjir yang lain (BMMB 2015).

Dari aspek pendidikan pula PWS telah membina bangunan-bangunan sekolah, sumbangan peralatan pendidikan seperti al-Quran, buku-buku rujukan kepada sekolah-sekolah agama dan maahad tahfiz dan juga sumbangan peralatan asas kepada sekolah-sekolah seperti tandas, surau, kelas dan sebagainya. Selain itu, sumbangan kepada pembinaan dan proses membaik pulih masjid dan surau terus dipertingkatkan hasil daripada jariah para pewakaf (BMMB 2015). Semoga dengan dana WSM yang disumbangkan ini terus dinamik agar dapat membantu lebih ramai golongan yang memerlukan.

PERBINCANGAN DAN IMPLIKASI

Berdasarkan kepada kajian yang dibuat didapati perlaksanaan wakaf mampu memberi impak positif kepada peningkatan prestasi keuntungan bank yang diukur menggunakan nisbah ROA dan ROE. Selain itu, bukan sahaja bank memperolehi keuntungan dari sudut ekonomi namun dari dapat memupuk nilai spiritual dan moral dalam memperoleh pahala serta *barakah* dalam kehidupan pewakaf. Pada asasnya objektif perlaksanaan wakaf bukanlah bertujuan keuntungan, ia merupakan tanggungjawab sosial korporat yang perlu dipenuhi agar kebajikan masyarakat Islam khususnya terjaga. Namun, kesan daripada menjalankan aktiviti ini mampu meningkatkan reputasi syarikat berdasarkan kebajikan yang dilakukan. Oleh itu, nilai berwakaf ini mampu memberi kesan secara langsung dan tidak langsung kepada sesebuah institusi.

Bank selaku institusi pengantara memainkan peranan antara unit surplus yang ingin berwakaf kepada unit defisit selaku penerima harta wakaf. Peranan sebagai institusi pengantara merupakan amanah yang perlu dipikul oleh bank agar dana wakaf dapat diagihkan sebaik mungkin. Oleh itu, dalam menyediakan perkhidmatan wakaf, bank perlu mewujudkan prasarana dalam menguruskan dana wakaf yang mana ia memerlukan kos. Kos ini diambil dari dana sedia ada bank yang secara langsung berkait dengan keuntungan yang diukur berdasarkan kadar ROA dan ROE. Secara teorinya, kos perbelanjaan ini akan mengakis keuntungan bank pada awal perlaksanaannya kerana memerlukan kos yang besar. Oleh itu, pada awal dilaksanakan WSM, BMMB terkesan sedikit dari segi penurunan

ROA dan ROE. Walaubagaimanapun, pada tahun berikutnya kadar keuntungan ROA dan ROE meningkat semula dan berjaya menutup kelompangan yang berlaku dalam keuntungan sebelum ini.

Perkhidmatan wakaf dalam perbankan Islam ini berpotensi untuk dikembangkan lagi serta memberi manfaat yang berterusan kepada pembangunan ekonomi serta keuntungan secara langsung mahupun tidak langsung kepada entiti korporat. Malahan keadaan ini dapat membantu pihak kerajaan dalam menguruskan harta wakaf supaya pengagihan yang efisien dapat dijalankan. Selain itu, perkhidmatan WSM yang dilaksanakan ini dilihat dapat menggalakkan orang ramai menyertai wakaf tunai, ianya secara langsung dan tidak langsung memberikan sumbangan yang besar kepada kebajikan masyarakat dengan menyediakan modal untuk pembangunan yang mampan di kalangan masyarakat.

Bahkan dari sudut imej bank dapat mengenali BMMB sebagai sebuah institusi Perbankan Islam yang bukan hanya berfungsi sebagai bank malahan menjadi pengantara untuk orang awam membuat kebajikan dengan berwakaf, sekaligus menarik minat pelanggan membuka akaun deposit di BMMB. Selain itu juga, dapat menarik pelanggan kepada mengenali pembiayaan Islam dan perbankan Islam serta menjauhi pembiayaan yang berunsur riba. Justeru itu, amalan tanggungjawab sosial korporat yang dilaksanakan dapat memberi kesan positif terhadap keuntungan, kesetiaan pelanggan dan peningkatan reputasi bank. Oleh itu, kejayaan sesebuah firma bukan hanya pada keuntungan yang berbentuk kedunian semata-mata seperti kekayaan harta, keuntungan ekonomi, penguasaan pasaran dan sebagainya, malah matlamat yang lebih besar adalah kesejahteraan yang berbentuk kerohanian seperti kerediaan Allah dengan mengharap pahala, kesuburan kasih sayang, dan persaudaraan (Jaafar Ahmad et al. 2011).

Maka, kejayaan WSM ini akan menjadi inspirasi kepada institusi perbankan lain untuk menyemarakkan lagi wakaf ini sebagai suatu tanggungjawab sosial korporat (CSR) yang seharusnya dijadikan agenda utama dalam sistem kewangan Islam. Namun disebalik kejayaan dalam melaksanakan WSM terdapat kekangan dalam melebarkan lagi wakaf ke negeri lain kerana keterbatasan undang-undang dan perlu merujuk kepada Majlis Agama Islam Negeri. Selain itu, kuasa pengiklanan melalui edaran poster dan banner juga terbatas di kawasan Selangor sahaja. Namun begitu, ia bukanlah suatu halangan yang besar dalam melestarikan lagi amalan wakaf dan perlunya sokongan serta galakan dari masyarakat, kerajaan dan pihak korporat. Maka, amalan wakaf mampu merealisasikan objektif pengurusan harta dalam Islam iaitu pembahagian kekayaan secara adil dalam sesebuah masyarakat dan mengelak pemusatan harta dalam kalangan segelintir hartawan agar kelestarian wakaf mendapat manfaat kepada masyarakat.

KESIMPULAN DAN CADANGAN

Pendekatan BMMB ini sebenarnya adalah untuk menggalakkan aktiviti tanggungjawab korporat (CSR) yang seharusnya dijadikan agenda utama oleh syarikat-syarikat korporat di Malaysia. Melalui hasil analisis yang dibuat terhadap model Wakaf Selangor Muamalat (WSM) didapati peningkatan yang baik kepada prestasi nisbah keuntungan ROA dan ROE bank. Oleh itu, pendekatan perkhidmatan wakaf yang ditawarkan ini dapat juga memberi pulangan secara tidak langsung melalui nilai spiritual dan moral juga pulangan langsung melalui peningkatan imej dan prestasi bank

Selain itu, kajian ini mencadangkan agar lebih banyak lagi integrasi antara institusi perbankan dan badan-badan kerajaan mahupun korporat bekerjasama membangunkan wakaf supaya dapat mewujudkan sumber ekonomi dan memberi akses kepada peluang ekonomi. Di mana ia boleh diluaskan lagi peranannya bukan sahaja diberi kepada pendidikan dan kesihatan. Oleh itu, dicadangkan supaya wakaf ini dapat dikembangkan lagi kepada kemudahan kredit sebagai modal untuk menjalankan perniagaan. Dengan ini, ia dapat mengupayakan ekonomi masyarakat menerusi penciptaan peluang pekerjaan melalui perniagaan atau keusahawanan. Di mana kegiatan ekonomi tersebut dapat menjana pendapatan dan kekayaan kepada individu dan negara. Akhirnya membawa kepada kesejahteraan ummah secara keseluruhannya. Oleh itu, perbankan Islam bukan sahaja berperanan dalam perkhidmatan bank malahan dapat juga sama-sama terlibat dalam melestarikan aktiviti-aktiviti wakaf yang dapat meningkatkan ekonomi umat Islam.

RUJUKAN

- Al- Sarakhsi, Syams al- Din, *al-Mabsut*, vol. 12, (Beirut: Dar al- Ma'rifah, 1986)
- Asharaf Ramli dan Abdullaah Jalil, "Banking Model Of Corporate Waqf: An Analysis of Wakaf Selangor Muamalat," Paper presented at the International Accounting and Business Conference (IABC), Persada Johor, Johor Bahru, 2013.
- Siti Mashitoh Mahamood, *Waqf in Malaysia, Legal and Administrative Perspective* (Kuala Lumpur: University Malaya Press, 2006), 1.
- Mohamad Zaim et al, "Pemeriksaan Wakaf di Malaysia: Satu Sorotan" (proceeding of 5th Islamic Economics System Conference (IECONS 2013), Kuala Lumpur, 2013).

- Hasliza Talib *et al*, "Pembangunan Dana Wakaf : Kajian Di Perbadanan Wakaf Selangor"(Proceeding of the International Conference on Masjid, Zakat and Waqf (IMAF 2014), Kuala Lumpur, 1-2 December 2014).
- "Dana Wakaf UKM dilancar" akses 19 April 2015, <http://www.ukm.my/news/index.php/ms/berita-kampus/322-ukm-waqaf-fund-launched.html>.
- Norajila dan Joni tamkin, "Pelaksanaan Tanggungjawab Sosial Korporat: Implikasi Dan Keberkesanannya Kepada Masyarakat." Persidangan Kebangsaan Ekonomi Malaysia keV(PERKEM V), Port Dickson, Negeri Sembilan, 15 – 17 Oktober, 2010.
- Asyraf Wajdi, "What Does Islam Say About Corporate Sosial Responsibility?," *International Association For Islamic Economics* 12 (1)(2008): 5-28.
- M.Shaukat dan Muhammad Nadeem, "Impact of Corporate Responsibility on the financial performance of banks in Pakistan," *International Letters of Social and Humanistic Sciences* 10(2014): 9-19.
- Quazi Sagota Samina, "Practice of Corporate social responsibility in Islamic Banks of Bangladesh," *World Journal of Social Science* 2 (2)(2012): 1-13
- Mohd Afandi dan Manzur, "El Hassan Pengurusan Ijarah Wakaf: Pemangkin Transformasi Pembangunan Ekonomi Ummah" (International Conference Muamalat, Economics & Islamic Finance, Institut Latihan Islam Malaysia, Bangi, Selangor, 8-10 December 2014).
- Abd. Shakor Borham, "Pelaksanaan Pembangunan Wakaf Korporat Johor Corporation Berhad (JCorp): Satu Tinjauan" (International Conference on Humanities, 2011).
- Norizah Mohamed dan Asmak Ab Rahman, "Wakaf Penjagaan Kesihatan: Kajian Kes diHospital Waqaf An-Nur" (Muktamar Waqf IQLIMI 2014, Universiti Sains Islam Malaysia(USIM), Nilai, 29 April 2014).
- Vincent Okoth Ongore dan Gemechu Berhanu Kusa, "Determinants Of Financial Performance Of Commercial Banks In Kenya," *International Journal of Economics and Financial* 3 (1) (2013): 237-252.
- Asharaf Mohd Ramli dan Abdullaah Jalil, "Banking Model of Corporate Waqf: An Analysis of Wakaf Selangor Muamalat" Paper presented at the International Accounting and Business Conference (IABC) Persada Johor, Johor Bahru, 2013.
- Murat Cizakca, "A History of Philanthropic Foundations: The Islamic World from the Seventh Century to the Present," Boğaziçi University Press, 2000.
- Mohammad Mazibar *et al*. "Corporate Social Responsibility and Financial Performance: A Case Study of Jamuna Bank Limited, Bangladesh," *Asian Journal of Finance & Accounting* 6 (2)(2014): 351- 361.
- Rasidah Mohd Said dan Mohd Hanafi Tumin, "Performance and Financial Ratios of Commercial Banks in Malaysia and China," *Social Sciences Research Network* (2010). Diakses pada 17 Mac 2015, <http://ssrn.com/abstract=1663612>.
- Khairil Faizal Khairi *et al*, "Inovasi 'Ain Wakaf Dalam Model Wakaf Korporat: Analisa Awal Terhadap Maybank Islamik Berhad," (Muzakarah Fiqh dan International Fiqh Conferenc, Kolej Universiti Islam Antarabangsa (KUIZ), Selangor, 4 Disember 2014).
- M. Shoukat Malik dan Muhammad Nadeem, "Impact of Corporate Social Responsibility on The Financial Performance of Banks in Pakistan," *International Letters of Social and Humanistic Sciences* 10 (1)(2014): 9-19.
- "Teks ucapan PM Majlis Pameriksaan Ekonomi Bumiputera," Diakses 31 Mac 2015, <http://www2.bharian.com.my/bharian/articles/TeksucapanPMMajlisPemeriksaanEkonomiBumiputera/Article>.
- "Jawatankuasa Pengurusan Bersama (JPB)," Diakses 3 April 2015, <http://www.wakafselangor.muamalat.com.my/Organisasi.html>.
- "Berita Harian (2012, 28 september) Wakaf Saham Selangor Dilancar," Dicapai 2 April 2015, <http://www.wakafselangor.gov.my/index.php/styles/keratan-akhbar/177-28-09-2012> berita-harian-wakaf-selangormuamalat-dilancar.
- "Program Wakaf, Cawangan Taman Melawati." Diakses 4 April 2015, <http://www.wakafselangor.muamalat.com.my/Berita-Wakaf/program-wakaf-cawangan-taman-melawati.html>.
- "Taklimat Wakaf Selangor Muamalat di Latar," Diakses 4 April 2015, <http://www.wakafselangor.muamalat.com.my/Berita-Wakaf/taklimat-wakaf-selangor-muamalat-di-latar.html>.
- "Misi Rawatan Klinik Bergerak Wakaf Selangor Muamalat," Diakses 4 April 2014 <http://www.wakafselangor.muamalat.com.my/Berita-Wakaf/2015/misi-bantuan-klinik-bergerak.html>.

“Vivi Ariyani, CSR Sebagai Investasi Jangka Panjang,” dicapai pada 9 Mei 2015 <http://download.portalgaruda.org/article.php?article=116693&val=5326>.